

22 MAR 2003

PEMBANGKANG DIJANGKA SOKONG USUL, KATA KHALIL

KUANTAN, 22 Mac (Bernama) -- Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob berkata usul tergepar yang akan dibentangkan di Dewan Rakyat bagi membantah serangan Amerika Syarikat ke atas Iraq adalah bersandarkan kepada isu kemanusiaan.

Beliau berkata usaha Umno itu tidak harus dilihat sebagai suatu yang bermotifkan politik sebaliknya ia perlu dilihat dari sudut kemanusiaan.

"Harapan kita ialah supaya semua pihak, pemimpin dan semua ahli parlimen yang ada di parlimen sama ada kerajaan atau pembangkang akan bersetuju menyatakan bantahan terhadap tindakan Amerika menyerang Iraq," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Nadwah Kepimpinan Sekolah Menengah Kebangsaan St Thomas di sini hari ini.

Khalil yang juga Menteri Penerangan berkata usul yang akan dibahaskan itu akan memperlihatkan pendirian Malaysia menentang peperangan dan kezaliman.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan semalam bahawa Umno akan membentangkan usul tergepar itu bagi membantah tindakan Amerika Syarikat menyerang Iraq.

-- BERNAMA

LIB MOZ